



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN BAGI MELAKSANAKAN PROGRAM/AKTIVITI PELAJAR, UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Garis Panduan Pengurusan Kewangan disediakan bertujuan sebagai garis panduan kewangan dan rujukan bagi Pusat Tanggungjawab/kelab/organisasi untuk merancang perbelanjaan bagi program/aktiviti pelajar berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan untuk melaksanakan program/aktiviti pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pengajaran dan pembelajaran merupakan elemen yang penting dalam menentukan kecemerlangan akademik pelajar. Sebagai pelajar yang cemerlang, penglibatan di dalam program/aktiviti merupakan pelengkap kepada kecemerlangan. Panduan kewangan diperlukan sebagai pendedahan kepada semua pihak yang terlibat dengan program/aktiviti pelajar sama ada di peringkat Universiti atau anjuran pihak luar.
- 2.2 BHEPA/Fakulti/Pusat bertanggungjawab menguruskan aktiviti pembangunan pelajar di UPNM.
- 2.3 Mesyuarat bersama Pendaftar, Bendahari, ALK dan semua Fakulti/Pusat telah diadakan pada 13 Disember 2016.
- 2.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil 4/2017 dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor (EXCO) Bil. 1/2017 telah meluluskan garis panduan pengurusan kewangan bagi melaksanakan program/aktiviti pelajar UPNM.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Mewujudkan satu garis panduan kewangan yang komprehensif kepada semua pihak yang perlu dipatuhi apabila melaksanakan program/aktiviti pelajar.
- 3.2 Membantu Pusat Tanggungjawab/kelab/organisasi untuk merancang perbelanjaan bagi program/aktiviti pelajar berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan.
- 3.3 Mempermudahkan pihak kewangan BHEPA untuk membuat penilaian dalam membuat semakan kertas cadangan bagi sebarang program/aktiviti pelajar.

- 3.4 Menerangkan kepada penyelaras, penasihat kelab, pengetua, felo, pelajar dan semua pihak yang terlibat berkaitan peraturan serta tatacara kewangan yang perlu dipatuhi apabila melaksanakan program/aktiviti pelajar.

4.0 SKOP

- 4.1. Aktiviti pelajar merangkumi aktiviti berbentuk kemasyarakatan, sukan, sahsiah, kerohanian, kebudayaan, sukarelawan, rekreasi, PALAPES dan sebagainya yang disertai oleh pelajar sama ada di dalam atau di luar kampus.
- 4.2. Aktiviti pelajar tersebut juga termasuk pelajar yang mewakili Universiti dalam aktiviti yang diarahkan oleh pihak luar seperti Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atau agensi-agensi kerajaan lain.
- 4.3. Bagaimanapun, aktiviti berbentuk akademik yang berkredit (keperluan bergraduat) adalah TIDAK termasuk dalam skop ini.

5.0 GARIS PANDUAN KEWANGAN

5.1. Pengajuran Program/Aktiviti Pelajar

- 5.1.1 Program/Aktiviti pelajar mestilah dibuat diluar waktu akademik. Program/Aktiviti pelajar yang dianjurkan semasa waktu akademik boleh dibenarkan jika mendapat kelulusan TNCAA.
- 5.1.2 Yuran penyertaan Program/Aktiviti Pelajar hendaklah dijelaskan sebelum program/aktiviti berlangsung.
- 5.1.3 Permohonan untuk sebarang sumbangan/derma/tajaan adalah berdasarkan kepada garis panduan yang telah ditetapkan oleh Universiti dan tertakluk kepada pekeliling yang berkuatkuasa. Sumbangan/derma/tajaan hanya boleh dilakukan selepas mendapat kelulusan daripada Timbalan Naib Canselor, HEPA UPNM atau pegawai yang diberikuasa.

5.1.4 Kaedah kutipan yuran dan penyaluran sumbangan/derma/tajaan adalah seperti mana berikut:

- 5.1.4.1 Sumbangan tunai dibuat di Kaunter Jabatan Bendahari.
- 5.1.4.2 Bayaran cek di atas nama '**BENDAHARI UPNM**'.
- 5.1.4.3 Bayaran kredit terus ke akaun UPNM (bukti pembayaran perlu dikemukakan).
- 5.1.4.4 Setiap sumbangan / derma / tajaan hendaklah dimaklumkan kepada Jabatan Bendahari.

5.2. Kadar Jamuan Makan

5.2.1 Kadar Jamuan Makan bagi program /aktiviti pelajar adalah seperti berikut :

JENIS JAMUAN	PELAJAR/ PESERTA	TETAMU JEMPUTAN	MASA AKTIVITI
Sarapan pagi	RM 4.00	RM 6.00	6.30 pagi – 9.00 pagi
Minum pagi	RM 3.00	RM 4.00	9.30 pagi – 11.00 pagi
Minum petang	RM 3.00	RM 4.00	4.00 ptg – 5.00 ptg
Makan tengahari	RM 8.00	RM10.00	12.30 tgh – 2.30 ptg
Makan malam	RM 8.00	RM10.00	7.30 mlm – 8.30 mlm
Minum malam	RM 3.00	RM 4.00	10.00 malam ke atas

5.2.2 Sekiranya aktiviti yang bermula pada jam 6.30 pagi dan berakhir pada jam 10.00 malam dan ke atas, jumlah kadar jamuan makan adalah **tidak melebihi RM25 sehari** bagi pelajar/peserta.

5.2.3 Tempahan Sajian adalah menggunakan khidmat catering UPNM Holdings selaras dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Bendahari.

5.2.4 Penyelaras Program adalah bertanggungjawab untuk mengesahkan waktu program diadakan dan memastikan kadar jamuan yang dituntut adalah mengikut waktu yang bersesuaian dan munasabah.

5.2.5 Bagi majlis rasmi untuk meraikan pelajar (seperti contoh Majlis Anugerah Dekan, Anugerah Kelab-kelab Pelajar, Majlis Watikah Perlantikan MPP dan jamuan makan anjuran MPP/Kolej/Kelab/Persatuan/Fakulti) kadar maksimum jamuan makan adalah sebanyak RM10.00 seorang.

5.3 Elaun Makan

- 5.3.1 Elaun Makan disediakan bagi program/aktiviti pelajar yang dijalankan di luar kampus.
- 5.3.2 Kadar elaun makan bagi program/aktiviti pelajar adalah seperti berikut:

AKTIVITI DALAM NEGARA	AKTIVITI LUAR NEGARA
RM20 / sehari	RM30 / sehari

- 5.3.3 Pemberian elaun makan sehari tertakluk kepada syarat berikut:

BIL.	KATEGORI	KELAYAKAN
1.	Program/aktiviti lebih dari 24 jam (termasuk waktu perjalanan).	Layak mendapat 1 (satu) Elaun Makan
2.	Program/aktiviti lebih dari 8 jam tetapi kurang dari 24 jam (termasuk waktu perjalanan).	Layak mendapat $\frac{1}{2}$ (separuh) dari Elaun Makan

- 5.3.4 Elaun Makan tidak layak dituntut sekiranya makan disediakan oleh penganjur.

5.3.5 Makanan/minuman tambahan untuk atlet pada hari perlawanan sahaja adalah seperti berikut:

BUTIRAN	KADAR
Makanan @ Minuman Tambahan (hari perlawanan)	1) RM 25.00 = (1 hingga 5 orang) 2) RM 50.00 = (6 hingga 15 orang) 3) RM 100.00 = (16 hingga 30 orang) 4) RM 150.00 = (31 hingga 50 orang)

5.3.6 Bayaran elaun makan kepada pelajar akan dibuat melalui pendahuluan diri oleh pegawai dan bayaran balik kepada pegawai.

5.4 Kadar Penginapan

5.4.1 Kadar penginapan bagi program/aktiviti adalah seperti berikut:

BIL	JENIS	KADAR	CATATAN
1	Penginapan per pelajar	RM60.00 (maksimum)	-
2	Penginapan per bilik	RM120.00 (maksimum)	Bilangan kehadiran dalam jumlah 1- 3 orang atau berlainan jantina (2 lelaki/ 1 perempuan dan sebaliknya)

5.4.2 Universiti akan mengeluarkan Pesanan Tempatan (PO) atau membuat bayaran terus kepada pihak berkenaan.

5.4.3 Elaun penginapan tidak akan dibayar secara tunai kepada pelajar. Universiti akan mengeluarkan Pesanan Tempatan atau membuat bayaran terus kepada pihak berkenaan.

5.4.4 Tiada tuntutan elaun penginapan oleh pelajar atau pengiring sekiranya penginapan telah disediakan oleh penganjur.

5.4.5 Pelajar tidak layak menuntut elaun lojing seperitimana istilah elaun lojing dalam pekeliling tuntutan rasmi pegawai awam.

5.4.6 Manakala bagi kadar penginapan pelajar bagi aktiviti luar negara adalah tertakluk kepada kelulusan kertas kerja.

5.5 Pengangkutan

- 5.5.1 Semua program/aktiviti pelajar WAJIB menggunakan kenderaan Universiti.
- 5.5.2 Tempahan pengangkutan hendaklah dibuat melalui Jabatan Pendaftar mengikut prosedur yang ditetapkan.
- 5.5.3 Sekiranya pelajar diarahkan menyertai program/aktiviti rasmi Universiti semasa cuti semester, pelajar **layak** menuntut bayaran balik tiket pengangkutan awam termurah dan tiket tersebut perlu dikepulkan semasa membuat tuntutan.

5.6 Bayaran Penceramah/Fasilitator

Bayaran kepada penceramah/fasilitator adalah berdasarkan kepada kadar yang telah ditetapkan oleh Universiti dan tertakluk kepada pekeliling yang berkuatkuasa.

5.7 Elaun Jurulatih

- 5.7.1 Elaun jurulatih bagi kebudayaan/kelab/persatuan ditetapkan **RM100/jam.**

- 5.7.2 Elaun jurulatih bagi sukan adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI	KADAR
1.	Kategori A (Kejurulatihan lesen A)	RM 50.00/jam
2.	Kategori B (Kejurulatihan lesen B)	RM 40.00/jam
3.	Kategori C (Kejurulatihan lesen C)	RM 30.00/jam

- 5.7.3 Elaun Jurulatih bagi sesuatu kejohanan adalah RM40/hari.

5.8 Elaun Pegawai Pengiring

Pegawai Pengiring bagi aktiviti/program termasuk aktiviti sukan **TIDAK** diberi elaun pegawai pengiring. Ini kerana pegawai yang mengiring akan membuat tuntutan elaun tugas-tugas rasmi melalui FPJB masing-masing.

5.9 Bayaran Honorarium Keluarga Angkat

- 5.9.1 Keluarga Angkat adalah keluarga yang menerima pelajar UPNM didalam sesbuah program komuniti/sukarelawan/kemasyarakatan.
- 5.9.2 Kadar bayaran honorarium kepada keluarga angkat adalah sebanyak **RM30.00** sehari bagi seorang pelajar untuk satu keluarga.
- 5.9.3 Bayaran ini merupakan sumbangan kepada keluarga angkat yang menyediakan keperluan makan dan penginapan kepada pelajar. Penyelaras atau penasihat kelab perlu memastikan jumlah honorarium keluarga angkat adalah munasabah mengikut jangkamasa program dijalankan.

5.10 Hadiyah Cenderahati

- 5.10.1 Pemberian hadiah/cenderahati adalah dibenarkan kepada perasmian jemputan bagi sesuatu program/aktiviti tertakluk kepada pekeliling yang berkuatkuasa.
- 5.10.2 Pemberian hadiah/cenderahati boleh diberikan kepada peserta sekiranya perlu dengan kadar yang munasabah. Pemberian hadiah/cenderahati yang digalakkan adalah yang membawa manfaat dan berguna.
- 5.10.3 Bagi pengiring kepada perasmian jemputan yang turut hadir menyaksikan program/aktiviti tidak perlu disediakan hadiah/cenderahati.

5.11 Bekalan/perkhidmatan program/aktiviti

Penggunaan Pesanan Tempatan adalah diwajibkan dalam semua perolehan bekalan/perkhidmatan program/aktiviti dan tertakluk kepada pekeliling perolehan yang berkuatkuasa.

5.12 Peralatan

- 5.12.1 Penggunaan peralatan Universiti hendaklah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan.
- 5.12.2 Pegawai/pelajar yang menggunakan peralatan milik Universiti perlu bertanggungjawab sepenuhnya ke atas peralatan tersebut. Setiap peralatan yang dipinjam dan digunakan hendaklah dipastikan berada dalam keadaan yang baik.

5.13 Dobi

- 5.13.1 Bagi Program/ aktiviti yang memerlukan perkhidmatan dobi, kadar yang ditetapkan adalah seperti berikut:

BIL.	KATEGORI	KADAR
1.	Cucian Biasa	Maksimum 10kg
2.	Cucian Kering	RM10 sehelai

- 5.13.2 Barang yang dibenarkan untuk dobi adalah yang diguna pakai bagi tujuan program/aktiviti (seperti contoh kostum/ pakaian sukan/alas meja). Barang peribadi adalah tidak dibenarkan.

5.14 Hadiah Pertandingan Peringkat Universiti

5.14.1 Nilai wang tunai bagi pertandingan yang dianjurkan peringkat Universiti adalah seperti berikut:

BIL.	KATEGORI HADIAH	INDIVIDU	BERKUMPULAN
1.	Tempat Pertama	RM 200.00 (maksimum)	RM 400.00 (maksimum)
2.	Tempat Kedua	RM 150.00 (maksimum)	RM 300.00 (maksimum)
3.	Tempat Ketiga	RM 100.00 (maksimum)	RM 200.00 (maksimum)
4.	Saguhati	RM50.00 (maksimum)	RM100.00 (maksimum)

5.15 Piala Pusingan & Piala Iringan

5.15.1 Nilai Piala Pusingan & Piala Iringan bagi pertandingan yang dianjurkan peringkat Universiti adalah seperti berikut:

BIL.	KATEGORI	NILAI
1.	Piala Pusingan	RM 500 (maksimum)
2.	Piala Iringan	RM150 (maksimum)

5.16 Publisiti

5.16.1 Bagi tujuan publisiti setiap program/aktiviti yang dianjurkan, banner dan bunting yang disediakan adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS	NILAI
1.	Banner	RM 500/ banner (maksimum)
2.	Bunting	RM40/bunting (maksimum)

5.17 Hamper

Perbelanjaan hamper untuk program/aktiviti pelajar termasuk sukan adalah tertakluk kepada kadar seperti berikut :

BIL.	KATEGORI	NILAI
1.	Tempat Pertama	RM 200.00 (maksimum)
2.	Tempat Kedua	RM 150.00 (maksimum)
3.	Tempat Ketiga	RM 100.00 (maksimum)
4.	Saguhati	RM50.00 (maksimum)

5.18 Kos Lawatan Luar Negara

5.18.1 Kos lawatan luar Negara yang merangkumi pengangkutan, elaun makan, penginapan, passport, visa dan insurans adalah berdasarkan kelulusan Naib Canselor melalui kertas kerja yang disediakan.

5.19 Hadiah Insentif Kewangan

5.19.1 Hadiah Insentif ini diberikan kepada pemenang tempat pertama/Johan, kedua dan ketiga pertandingan mengikut peringkat:

PERINGKAT	PENYERTAAN INDIVIDU	PENYERTAAN KUMPULAN
Kebangsaan	RM 100	RM 300
Antarabangsa	RM 300	RM 600

5.19.2 Penasihat/Pegawai Pengiring/Pegawai Universiti yang terlibat dengan penyertaan pertandingan perlu menyediakan kertas kerja bagi tujuan pembayaran insentif kewangan. Walaubagaimana pun, pembayaran insentif ini tertakluk kepada kelulusan TNC HEPA.

6.0 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI YANG TERLIBAT

- 6.1 Penasihat/ Pegawai Pengiring/Pegawai Universiti yang terlibat dengan program/aktiviti pelajar perlulah bertanggungjawab memastikan semua peraturan Universiti termasuk peraturan kewangan yang berkuatkuasa adalah dipatuhi.
- 6.2 Setiap peruntukan yang diluluskan hendaklah dibelanja dengan cara yang berhemat.